



# *Pendidikan itu Amanah, Agama Teras Segala-galanya*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Guru di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Guru di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas.

**Rabiulakhir - Jamadilakhir 1421**  
**Julai - September 2000**  
**Tahun 4 Bilangan 3**

## *Menarik Di Dalam :*

- |   |  |
|---|--|
| 4 Kita Akan Terus Jalankan Ajaran Islam Dalam Kehidupan               | 16 Women In Funeral Rites And Grave Visits |
| 5 Pakaian Adalah Ibadah   | 17 Hidayah Dalam Satu Malam                |
| 11 Mutu Kerajaan Sampaikan Khutbah Jumaat Di Masjid Faisal, Islamabad | 19 Bertudung Tapi Betis Didedah            |
| 14 Sambutan Hari Keputeraan KDYMM Di Pakistan                         | 22 Puasa Di Bulan Rejab                    |

"Pendidikan itu adalah amanah, sementara ugama pula adalah teras segala-galanya. Jika ugama lemah, maka akan lemahlah bangsa" titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Hari Guru kali ke-10 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Sabtu 24 Jamadilakhir, 1421 bersamaan 23 September, 2000.

# JAUH AJARAN SESAT



Al-Hadaf Tahun 4 Bil: 3 • Rabiulakhir-Jamadilakhir 1421 / Julai - September 2000

**I**su mengenai ajaran sesat, menyeleweng dan menyimpang sekarang timbul lagi dalam makna yang menonjol di rantau kita ini. Ia merupakan isu timbul tenggelam dalam arena kehidupan masyarakat Islam. Ada waktunya isu ini semacam bersembunyi, kemudian ia muncul lagi dan menggemparkan masyarakat.

Sebenarnya isu penyelewengan atau ajaran sesat ini bukanlah perkara baru di dalam perkembangan hidup masyarakat Islam. Sejak berabad-abad lamanya ancaman ini telah wujud di dalam sejarah Islam. Tidak lain tidak bukan, matlamatnya ialah bagi memecah-belah dan melemahkan kekuatan umat Islam.

Adalah dikhawatir pengaruh ajaran sesat tersebut didalangi oleh kelompok yang memang memusuhi Islam dan umat Islam. Mereka memang sentiasa mencari jalan dan peluang yang sesuai di tengah-tengah kelemahan umat Islam dan mengeksploitasi orang Islam sendiri.

Ajaran sesat dapat ditakrifkan sebagai : Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang di bawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'an, as-Sunnah serta bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Bagaimanakah cara untuk menghindarkan diri daripada pengaruh-pengaruh yang menyeleweng itu? Tidak lain melainkan dengan mendalami ilmu pengetahuan agama serta mengamalkannya dengan penuh yakin. Di samping itu, perlu juga mengetahui akan ciri-ciri ajaran-ajaran yang menyeleweng itu, agar kita tidak terjerat atau terjeremus ke arah kesesatan itu.

Namun demikian, oleh sebab tidak semua orang yang mampu memahami akan ciri ajaran yang menyeleweng itu, maka pihak-pihak berwajib perlu mendedahkan kepada umum dengan cara yang lebih meluas penyebarannya dan kriteria-kriteria ajaran sesat itu melalui bengkel, seminar, buku, ceramah, televisyen dan lain-lain.

Umat Islam kadang kala mudah terpengaruh, kerana ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng itu sering bertopengkan Islam dengan mengemukakan kelebihan-kelebihan tertentu dan metode perubatan yang diperlukan. Inilah yang kadang-kadang menakutkan orang sehingga mempengaruhi ketahanan dan benteng iman yang lemah.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa waspada terhadap sebarang anasir yang boleh membawa kepada penyelewengan dan kesesatan dalam agama. Peliharalah agama kita, peliharalah akidah kita dan peliharalah iman kita agar sentiasa terselamat di dunia dan di akhirat.

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Dayang Hajah Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHASIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
dan  
Pusat Da'wah Islamiyah  
Kementerian Hal Ehwal Ugama.*

### PERINGATAN

**Jagalah suratberita ini  
dengan baik dan cermat,  
kerana ia mengandungi  
ayat-ayat al-Qur'an dan  
hadis Nabi  
*Sallallahu 'alaihi wasallam***

(Bersambung dari muka 1)

Menurut baginda, tidak ada lagi masa untuk berlengah-lengah, kerana segalanya berlaku begitu cepat. Seperti cepatnya kemajuan, maka cabaran-cabaran juga adalah lebih cepat lagi. Ia memerlukan langkah yang lebih cepat di samping pengetahuan dan bakat.

*“Kerana itulah, Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dikehendaki supaya membentuk falsafah pendidikan negara, dengan hasrat supaya ianya mampu melahirkan individu insani yang terbaik yang benar-benar berilmu di samping juga beriman dan bertakwa.”*

Titah baginda lagi, falsafah ini hendaklah benar-benar seimbang untuk mencapai matlamat kebaikan di dunia dan akhirat.

*“Dengan mengambil kira matlamat yang luhur ini, maka Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara juga adalah dikehendaki supaya meneliti dan membuat persediaan-persediaan yang rapi bagi sekolah-sekolah ugama di negara ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.”*

*“Untuk tujuan ini, satu dasar kekal lagi mantap hendaklah diwujudkan, supaya pendidikan ugama dan pendidikan umum itu sama-sama seimbang, jiwa-menjiwai”.*

Di Majlis Sambutan Hari Guru kali ke 10 itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan Anugerah Hari Guru kepada Awang Haji Yusof bin Awang Haji Mohammad dan Dayang Hajah Mary binti Haji Tajuddin.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Mateen.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para jemputan yang terdiri daripada guru-guru. (atas)*

*Penerima Anugerah Hari Guru, Awang Haji Yusof bin Awang Haji Mohammad dan Dayang Hajah Mary binti Haji Tajuddin.*



*Sebahagian daripada jemputan yang terdiri daripada guru-guru dan penuntut di Majlis Sambutan Hari Guru ke 10.*

# KITA akan terus JALANKAN

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa, sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menjadi cara hidup, maka kita akan terus bergerak menjalankan ajaran-ajaran yang indah itu dalam kehidupan.

Dalam bidang makanan, menurut baginda, kita sudahpun mengadakan akta yang berkaitan bagi menjamin perbekalan daging dan ayam adalah benar-benar halal menurut hukum syaria'. Baginda berharap langkah ini bukan saja terhad kepada dua jenis barang tersebut malahan juga termasuk makanan-makanan yang sudah diproses.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke 54 tahun pada 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000 di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman.

Selain daripada makanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah mengenai dengan perbankan yang akan bergerak menurut ajaran Islam.

*"Pada awal abad ke 21 ini, beta telah menitahkan, supaya Bank Pembangunan Brunei Berhad yang dimiliki 100 peratus oleh Kerajaan beta dan telah ditubuhkan pada tahun 1995, ditukar namanya kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad, atau The Islamic Development Bank Of Brunei Berhad dan akan hanya memberikan segala perkhidmatannya menurut kitab suci al-Qur'an".*

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menitahkan supaya peranan Lembaga Kemajuan Ekonomi yang pernah menghulurkan perkhidmatan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana hendaklah dimasukkan ke dalam konsep Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad.

*"Beta penuh percaya kedua-dua fungsi perbankan komersial dan pembiayaan*

## Ajaran **ISLAM** dalam KEHIDUPAN ..... Titah



**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai rakyat dan penduduk baginda menuaikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya' berjemaah, membaca tahlil dan do'a kesyukuran sempena hari keputeraan baginda ke 54 tahun, di Jame' Asr Hassanal Bolkiah. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda baginda.

pembangunan yang berkonsepkan Islam ini, Insya Allah akan dapat membantu bagi mengukuh dan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Oleh kerana ianya adalah dijalankan semata-mata kerana Allah, maka beta tidaklah ada sebarang keraguan, bahawa usaha ini akan membawa kemanfaatan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini"

Di istiadat tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan bintang-bintang kebesaran negara kepada 29 orang. Seorang dikurniakan Bintang Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.), 2 orang dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Darjah Pertama (D.P.K.T), seorang menerima Bintang Kebesaran Negara Brunei Darjah Seri Ugama Islam Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (DSSUB), 7 orang menerima Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B), 5 orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (SSUB) dan 13 orang menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia (SNB) Darjah Ketiga.

Pada Malam 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 14 Julai, 2000 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Jame' Asr Hassanal Bolkiah untuk menuaikan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya' berjemaah, membaca tahlil dan membaca do'a kesyukuran sempena Hari Keputeraan baginda ke 54 tahun.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang fardhu Maghrib diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Hj Ibrahim, bacaan tahlil diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sementara do'a kesyukuran dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Sembahyang fardhu Isya' diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

# Pakaian adalah Ibadah

## Soalan:

Alhamdulillah, dengan usaha pihak tertentu pakaian seragam (uniform) polis wanita dan jururawat telahpun menutup aurat. Bagaimanapun masih ada lagi yang belum mengikut jejak langkah mereka. Apa pendapat dan saranan Pehin dalam hal ini?

## Jawapan:

الحمدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَلَّهُ ،

Pakaian itu ada hubungannya dengan ibadat seperti ibadat dalam sembahyang di mana diwajibkan menutup aurat. Sebenarnya pakaian itu sendiri adalah ibadat kerana ia termasuk dalam suruhan agama yang ada nilai pahala dan dosa, kerana itu orang Islam yang menutup auratnya ianya telah mematuhi dan mentaati tuntutan dan suruhan agamanya. Menutup aurat itu ada had dan ketentuan dalam sembahyang dan di luar sembahyang.

Pakaian itu sebenarnya gambaran zahir keperibadian seseorang. Pengaruh pakaian dapat dilihat seperti, ahli perniagaan untuk mereka dapat mengaut keuntungan ialah dengan mempermodelkan atau menunjukkan fesyen pakaian yang akan diharapkan dapat menjadi tarikan atau pengaruh untuk dibeli oleh pengguna-pengguna.

Pengaruh pakaian ini amatlah jelas. Sebab itu pereka fesyen pakaian akan sentiasa merubah corak-corak fesyen pakaian itu dari masa ke semasa, khususnya pakaian perempuan. Tetapi sayang, fesyen pakaian perempuan hari ini banyak yang tidak memenuhi kehendak Islam.

Jika pakaian yang dipakai oleh

perempuan-perempuan Islam itu tidak memenuhi kehendak-kehendak Islam, maka ia menggambarkan sejauh mana kekuahan aqidahnya. Pakaian itu mempunyai hubungkait dengan ketaqwaan. Firman Allah:


وَلِئَسْ النُّقُوْىٰ ذَلِكَ حَرَىٰ

*Tafsirnya: "Dan pakaian taqwa adalah yang lebih baik."*

(Surah al-A'râf: 26)

Dari segi yang lain, apabila seorang perempuan yang memakai pakaian menunjukkan susuk badannya atau pakaian yang menghairahkan, lelaki yang memandangnya mungkin akan berbuat serong, lebih-lebih lagi jika perempuan ini berjalan bersendirian dalam keadaan di mana orang berkesempatan membuat jahat terhadapnya. Jadi pakaian dapat mempengaruhi jiwa seseorang perempuan dan orang lain akan membuat perhitungan terhadap pakaian yang dipakai oleh perempuan itu dengan cara meniru atau sebagainya.

Pakaian mempunyai hubungan dengan ibadat, malah menjadi gambaran bagi aqidah dan akhlak pemakainya. Jika demikian halnya, pakaian perempuan Islam tidak boleh diabaikan. Dan tiada satu mazhabpun yang tidak mewajibkan menutup aurat atau mengharuskan pendedahannya, termasuk rambut, leher, tengkorak, dada dan betis sehingga ke tapak kaki perempuan di hadapan lelaki asing yang bukan



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

mahramnya. Hukumnya jelas melalui sumber al-Qur'an dan hadis sebagaimana akan datang keterangannya. Di bawah ini disebutkan panduan atau garis pandu mengenai pakaian-pakaian perempuan Islam:

- (i) Hendaklah pakaian itu menutup seluruh badan termasuk kepala, rambut, leher, dada, lengan, dan betis dari anggota perempuan itu. Bahkan wajib menutup tapak kakinya melainkan di dalam keadaan darurat seperti banjir, atau keadaan lecak atau berlumpur atau seumpamanya. Tidak wajib ditutup muka dan dua tapak tangan dari hadapan belakang sehingga dua pergelangan tangan sahaja yang boleh nampak. Ini adalah dalam keadaan biasa. Adapun dalam keadaan yang boleh mendatangkan fitnah atau keadaan keganasan, maka wajib ditutup seluruh anggota tubuh badannya. Tidak menutup anggota badan adalah dilaknat oleh Allah Ta'ala dan dosa besar yang wajib dielakkan.
- (ii) Hendaklah pakaian itu tebal yang menutup seluruh tubuh badan perempuan supaya tidak nampak warna kulit dari celah-celah sulaman benang pakaian

itu.

(iii) Hendaklah pakaian perempuan itu luas, lebar tidak sempit dan tidak ketat yang boleh menampakkan segi-segi susuk badan perempuan. Pakaian yang ketat itu ialah seperti menampakkan susuk buah dada dan punggung dan lain-lain segi anggota yang mendatangkan fitnah atau keinginan syahwat.

(iv) Jangan pakaian itu menyerupai atau seakan-akan pakaian lelaki, kerana adalah haram dan dosa besar perempuan memakai pakaian yang serupa dan seakan-akan dengan lelaki.

(v) Jangan pakaian itu wangi atau harum, kerana wangi atau harum itu membawa fitnah dan kerosakan yang boleh membangkitkan nafsu dan perhatian orang dan kejahatan yang wajib dihindarkan oleh perempuan-perempuan. Memakai pakaian yang berwangi atau harum itu adalah dosa besar sekalipun dibenarkan oleh suami.

(vi) Jangan pakaian itu berhias, kerana pakaian yang berhias itu menarik pandangan orang dan membawa fitnah dan kerosakan kepada perempuan dan kepada yang memandang itu. Orang-orang Bani Isra'il Yahudi telah dilaknat oleh Allah Ta'ala kerana mereka membiarkan perempuan-perempuan mereka keluar rumah, ke masjid, ke pasar dan ke kedai-kedai dengan berhias dan bergaya.

(vii) Jangan pakaian itu bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk kerana itu perbuatan *takabbur* dan *'iujub* yakni merasa tinggi diri. Ia adalah dosa besar.

Firman Allah Ta'ala:

وَلَا تَبِرُّجْ حَجَلَيْةً الْأُولَىٰ

**Tafsirnya:** "Jangan kamu perempuan-perempuan Islam berkelakuan dengan terdedah sebagaimana terdedah perempuan-perempuan sebelum zaman Islam, (dengan menampakkan kejelitaan perempuan kepada lelaki asing dan menampakkan perhiasan-perhiasan mereka)." (Surah al-Ahzâb: 33)

Firman Allah Ta'ala:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضِضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ  
وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَ  
عَلَىٰ حَبْوَبِهِنَ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا لِتَعْوِيْهِنَ أَوْ هَادِيْهِنَ  
أَوْ عَامَّاتَهُنَ أَوْ أَبْسَاطَهُنَ أَوْ بَسَاطَهُنَ أَوْ نِسَابَهُنَ  
أَوْ بِعَوْنَاهِنَ أَوْ نِسَبَهُنَ أَوْ بَشَرَهُنَ أَوْ نِسَابَهُنَ  
أَوْ مَا مَلَكْتَ أَمْسَاهِنَ أَوْ الشَّبِيبَهُنَ خَيْرُ أُولَى الْإِرْبَابِ  
مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطَّفَلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَىٰ عُورَتِهِنَ  
السَّاءَ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَ لِيَلْمَمْ مَا يَخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَ  
وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَئِمَّةُ السُّؤْمِيْنَ لَمْلَكُوكُمْ تَقْلِيْلُهُنَ

(Surah Furoh: 31)

**Tafsirnya:** "Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada perhiasan

mereka, dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."

(Surah an-Nûr: 31)

Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda diriwayatkan oleh Imam Muslim dan lain ulama bermaksud: "Dua macam orang ahli neraka, saya (Rasulullah) belum lihat (pada zaman Baginda), satu iaitu kumpulan orang memegang cemeti seakan-akan ekor lembu, mereka membelaah orang dengan cemeti itu (seperti pegawai-pegawai keselamatan yang zalim membelaah manusia). Dua iaitu perempuan memakai pakaian tetapi mereka bertelanjang (pakaian nipis dan menampakkan segala kejelitaan badan dan tiada menutup segala anggota badan) dan berjalan dengan bergaya dan sompong dan menunjuk-nunjuk dan menggerak-gerakkan bahu dan mengikat kepala dengan perca kain supaya nampak besar kepala dan jelita, tiadalah perempuan-perempuan itu masuk syurga, dan tiada mencium bau syurga dan bau syurga itu boleh didapati dari jauh begini dan begini."

(Hadis riwayat Muslim)

Imam Ahmad meriwayatkan dalam musnadnya dan al-Hakim mengatakan hadis ini mengikut syarat-syarat Imam Bukhari dan Muslim iaitu hadis daripada sahabat, Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash berkata: "Saya mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda bermaksudnya: "Akan berlaku pada akhir zaman pada umat saya, oleh lelaki menaiki pelana-pelana unta seperti rumah-rumah kenaikan yang ada ditaruh di belakang unta (erti motokar), tuan punya pelana besar-besar itu (tuan motokar) turun masuk masjid (sembahyang di masjid dan motokar itu menunggu di pintu masjid), isteri-isteri mereka memakai pakaian dan bertelanjang (pakaian yang menampakkan badan dan anggota perempuan) dan di atas kepala mereka ada topi atau dibesarkan ikatan rambut kepala

mereka, seperti bonggol di atas bahu unta, maka hendaklah kamu lakanatkan mereka, kerana bahawa mereka (perempuan-perempuan) itu sentiasa kena laknat.”

Apabila orang perempuan sama ada perempuan-perempuan Islam atau bukan tidak menutup aurat mereka, maka satu kemungkaran telah berlaku dalam masyarakat. Kemungkaran itu jika tidak dicegah dan dihentikan akan menjadi sebab turunnya bala bencana daripada Allah.

Kerana itu satu daripada kewajipan umat Islam supaya dapat menegakkan agamanya ialah dengan menghuraikan tuntutan *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahu 'an al-munkar*. *Al-amru bi al-ma'ruf* (menyuruh berbuat baik) dan *al-nahu 'an al-munkar* (menegah daripada berbuat jahat) itu di antara syiar-syar agama yang utama dan kewajipan ke atas kaum muslimin. Allah *Subhanahu Wata'ala* telah memerintahkan kita berbuat baik dan melarang kita daripada berbuat jahat dalam kitabNya yang mulia. Dan melalui NabiNya *Sallallahu 'alaihi wasallam* sambil menggalakkkan kita untuk memberikan perhatian terhadapnya dan mengancam kita yang mencuaikan tugas besar yang mulia ini.

Di dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang menerangkan tentang kepentingan *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahu 'an al-munkar* itu. Di antaranya ialah:

Firman Allah Ta'ala:

لَعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَبْنَى إِسْرَاعِيلَ عَلَىٰ لِسَانَ دَاوُدَ وَعَيْسَى ابْنُ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَمُوا وَكَانُوا يَعْدِلُونَ كَانُوا لَا يَتَنَاهُونَ عَنْ مُنْكِرٍ فَعَلَوْهُ لِبِسْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ  
((رواية الحسن: ٦١-٧٤))

**Tafsirnya:** “Allah telah meletakkan laknatNya ke atas orang kafir daripada kaum Bani Isra'il atas lisan (lidah) Nabi Daud dan Nabi Isa bin Maryam. Yang demikian disebabkan mereka menderhaka dan sering melanggar batas. Mereka itu

selalunya tiada larang melarang terhadap kejahatan yang mereka lakukan. Alangkah buruknya perilaku yang mereka lakukan itu.”

(Surah al-Mâ'idah: 78-79)

Sementara hadis-hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* pula menyebutkan yang maksudnya: “Siapa yang menyaksikan sesuatu mungkar, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak berkuasa, maka dengan lisannya, jika tidak berkuasa juga, maka dengan hatinya dan yang demikian adalah selemah-lemah iman.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Sabdanya lagi bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Hendaklah kamu menyuruh berbuat baik, melarang berbuat jahat sebelum kamu memohon kepada Allah, lalu tidak dikabulkan kamu dan sebelum kamu meminta ampun daripadaNya, lalu tiada diampuni kamu.”

Sesungguhnya menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat itu tidak menolak rezeki atau mendekatkan ajal, dan sesungguhnya para pendeta daripada kaum Yahudi serta para rahib (paderi) daripada kaum Nasrani, apabila mereka meninggalkan menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat, maka Allah Ta'ala telah melaknat mereka atas lisan nabi-nabi mereka, lalu sesudah itu bermacam-macam balapan turun ke atas mereka sekalian.

Dalam perkara pakaian seragam perempuan yang tidak menutup aurat itu adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak berkenaan khasnya di Jabatan yang mempunyai hubungan langsung dengan pakaian seragam itu supaya akan dapat membetulkan selaras dengan tuntutan syara’.

### Jangan Tinggalkan Syi'ar Yang Mulia Ini

Tugas menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat itu tidak boleh

diabaikan sama sekali dan tidak ada alasan apapun untuk meninggalkannya, selama berkuasa dan berkebolehan untuk menjalankan. Siapa yang melalaikan atau mencuaikannya, dianggap sebagai orang yang memandang ringan terhadap hak-hak Allah Ta'ala dan tiada menghormati perintah Allah Ta'ala. Sebab itulah dia dicap sebagai orang yang lemah imannya, kurang takut dan malu terhadap Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Tetapi jika dia berdiam diri kerana sesuatu tujuan keduniaan, maka dengan itu dosanya akan menjadi lebih berat dan dia akan terdedah kepada kemurkaan dan kutukan Allah Ta'ala, disebabkan tidak menegur mungkar atau perbuatan jahat itu.

Membetulkan perkara mungkar bukan sahaja berdasarkan tuntutan ayat atau hadis di atas, tetapi juga didasari perintah umum. Sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bermaksud: “Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu adalah bertanggungjawab terhadap rakyatnya.”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Umumnya pakaian itu bukan sahaja berhubungkait dengan hukum haram atau tidaknya bagi pemakainya, bahkan dapat memberikan imej atau gambaran mengenai bentuk masyarakat atau negara yang mengamalkan sesuatu pakaian itu.

Perlaksanaan hukum Islam bagi sesebuah negara Islam boleh diukur melalui berbagai-bagai sudut. Pakaian boleh menjadi salah satu ciri penting, sejauh mana perlaksanaan hukum Islam itu berjalan. Oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam merubah mana-mana perkara atau corak hidup supaya selaras dengan hukum syara’.



# EXPO ISLAM ANTARABANGSA

## SALAH SATU PROGRAM TAHUN MELAWAT BRUNEI 2001



Termasuk acara majlis pada pagi itu ialah Penandatanganan Perjanjian Pengendalian Expo antara Jabatan Mufti Kerajaan dengan Transpower Corporation Sdn. Bhd. Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari mewakili Jabatan Mufti Kerajaan dan Awang Haji Ismail bin Haji Damit mewakili Transpower Corporation Sdn. Bhd.



**K**ementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Kementerian yang mengendalikan program Tahun Melawat Brunei 2001, akan mendukung sepenuhnya Expo Islam Antarabangsa I dan akan memasukkannya sebagai salah satu programnya.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohammed Taib, menjelaskan demikian semasa melancarkan Logo Expo Islam Antarabangsa I. Majlis berlangsung pada hari Khamis 24 Jamadilawal, 1421 bersamaan 24 Ogos, 2000 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama.

*"Usaha ini memberikan sumbangan yang sangat besar maknanya kepada kemajuan*

*pelancongan di negara ini, khasnya pelancongan yang bersifat ilmu dan tamadun Islam masa kini dan silam. Usaha ini dapat mempelbagaikan wadah dan menarik pelancongan negara. Konsep serupa ini saya yakin akan dapat menarik penyertaan dan pengunjung dari luar negara dengan lebih ramai lagi, kerana di samping dapat melihat keindahan alam semula jadi Negara Brunei Darussalam, para pelancong juga akan berpeluang pula melihat keagungan tamadun Islam masa silam dan keilmuan Islam yang amat mengagumkan itu".*

Menurut Yang Berhormat Pehin lagi, Expo yang akan diadakan pada 01 haribulan hingga 14 haribulan Ogos, 2001 itu adalah acara nasional yang bersifat global dan international.

*"Dengan makna yang lain, dengan sifatnya yang international itu, Expo*

*Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohammed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika hadir sebelum merasmikan pelancaran Logo Expo Islam Antarabangsa I. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Mufti Kerajaan dan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.*

tersebut akan dapat mengetengahkan keharuman nama Negara Brunei Darussalam di dunia antarabangsa. Ini adalah kerana saya merasa penuh yakin dan berharap ia setentunya akan disertai oleh peserta-peserta dari negara-negara luar dari segenap pelusuk dan rantau dunia."

Terdahulu dari itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin PSRK Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, dalam ucapan alu-aluannya antara lain menerangkan semangat di belakang Expo dan tentang kandungan utamanya. Expo akan mengandungi 3 aktiviti utama iaitu:

- Pameran Warisan Islam,
- Pameran Maklumat dan Penerbitan Islam, dan
- Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara



## Penerangan Logo

### PENCIPTA

ABD. RAHMAN BIN MOHAMAD

### PENERANGAN

1. Bulatan ialah planet biru (blue planet) yang melambangkan sifat antarabangsa Expo.
2. Outline Bangunan ialah bahagian atas Perpustakaan Islam untuk melambangkan intisari Expo yang berupa agenda mengumpul, mengembang dan menyebarkan Ilmu Pengetahuan dan Maklumat Islam.
3. حي على الفلاح (marilah menuju kemengangan) yang mempunyai pengertian yang luas menjadi motto Expo dan tulisannya direka bentuk untuk menyelaputi kubah bangunan.
4. Warna-warna pilihan mempunyai erti berikut:
  - Hijau lambang keislaman sejagat.
  - Biru (tua dan muda) melambangkan pandangan jauh Expo.

# BUKU FATWA & IRSYAD HUKUM 1999 DI PASARAN



Penandatanganan di antara Jabatan Mufti Kerajaan dan Syarikat Perdagangan Bismi membenarkan syarikat tersebut mencetak dan mengedarkan buku Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum, sementara Jabatan Mufti Kerajaan menyediakan bahan-bahan terbitan berkenaan.

Buku Fatwa Mufti Kerajaan 1999 dan Irsyad Hukum 1999 kini di pasaran. Buku-buku tersebut yang dicetak dan diedarkan oleh Syarikat Perdagangan Bismi dijual dengan harga yang lebih kompetitif. Buku Fatwa Mufti Kerajaan kulit tebal \$24.00 dan kulit nipis \$16.00. Sementara Irsyad Hukum pula \$28.00 bagi kulit tebal dan \$19.00 bagi kulit nipis. Untuk pasaran luar negeri, rakan perniagaan Syarikat Perdagangan Bismi, Al-Hidayah Publishers yang beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia menjadi pengedarnya.

Majlis Do'a Selamat sempena penerbitan buku tersebut diadakan di Jabatan Mufti Kerajaan pada hari Khamis 10 Jamadilawal, 1421

bersamaan 10 Ogos, 2000.

Terdahulu dari itu satu majlis penandatanganan antara Jabatan Mufti Kerajaan dengan Syarikat Perdagangan Bismi telah diadakan. Antara lain perjanjian itu menyebutkan Syarikat Perdagangan Bismi akan mencetak dan mengedarkan buku Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum, sementara Jabatan Mufti Kerajaan yang menyediakan bahan-bahan terbitan berkenaan akan memperolehi 10 peratus royalti dari kuantiti penerbitan itu.



Hadir di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.



Hadir di majlis Do'a Selamat sempena penerbitan buku tersebut ialah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Setakat ini sebanyak 5 buah buku mengenai fatwa Mufti Kerajaan dan 5 buah buku mengenai Irsyad Hukum telah diterbitkan. Ini tidak termasuk buku Islam dan Muzik, iaitu fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1998 dan diterbitkan secara berasingan, buku Penyembelihan Binatang Dan Pengendalian Daging, iaitu himpunan fatwa Mufti Kerajaan tahun 1962 - 1999 mengenai perkara tersebut.



# Kunjungan Hormat kepada Presiden Pakistan

Satu penghormatan telah diberikan oleh Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Rafique Tarar kepada Mufti Kerajaan kerana menerima Kunjungan Hormat Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan di pejabat beliau pada jam 12.20 tengahari pada 20 Julai 2000. Menyertai Mufti Kerajaan ialah Dr. Mahmood Ahmad Ghazi, Ahli Majlis Keselamatan Nasional Pakistan, dan Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin PSRK Haji Abu Hanifah.

Dalam perjumpaan selama lebih kurang 20 minit itu, berbagai perkara mengenai Islam telah disentuh.



Kunjungan hormat Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Kepada Tuan Yang Terutama Muhammad Rafique Tarar Presiden Republik Islam Pakistan eratkan lagi hubungan dan kerjasama dalam bidang keagamaan antara kedua negara.

Pada hari Jumaat, 20 Julai 2000, satu memori yang sangat berasaskan telah tercatat bagi Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, dan bahkan juga bagi Negara Brunei Darussalam sendiri, iaitu apabila Yang Dimuliakan Lagi Dihormati itu telah dapat menunaikan permintaan, sekalipun ianya diterima secara mendadak daripada pihak Masjid Faisal, Islamabad untuk beliau menyampaikan Khutbah Jumaat dan seterusnya menjadi Imam sembahyang fardhu Jumaat.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menyampaikan Khutbahnya di dalam bahasa Arab.

Sebelum itu, satu syarahan khas telah disampaikan dalam bahasa Urdu oleh Dr. Anis Ahmed, Direktor Jeneral, Akademi Dakwah, Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad.

Selesai sembahyang fardhu Jumaat, para jemaah telah bersalam-salaman dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan.

## Mufti Kerajaan Sampaikan Khutbah Jumaat di Masjid Faisal, Islamabad



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan diberi penghormatan menyampaikan Khutbah Jumaat dan menjadi Imam di Masjid Faisal, Islamabad Pakistan.



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Gabenor Punjab Tuan Yang Terutama Lt. Jeneral (B) Muhammad Safdar Zulfikar Ali (atas). Bertukar cenderamata di majlis makan malam bersama Dr. Abdul Malik Kasi Menteri Hal Ehwal Agama Zakat dan Ushr Pakistan (kanan).*



*Bergambar ramai bersama Dr. Mahmood Ahmad Ghazi, ahli Majlis Keselamatan Negara Pakistan selepas mengadakan kunjungan di pejabat beliau.*



*Perjumpaan dengan Pengurus dan Ahli Majlis Ideologi Islam Pakistan.*



*Mufti Kerajaan memberikan ucapan balas ketika melawat Jamiah Asyrafiyyah, Lahore.*



*Menandatangani Memorandum Persafahaman antara Jabatan Mufti Kerajaan dengan Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad.*

*Ris  
LAWATA  
MUFTI K  
DAN RO  
REPUBLIC ISLAMIC REPUBLIC OF  
REPUBLIC*

# staan

## N RASMI ERAJAAN IBONGAN E AM PAKISTAN N ARAB MESIR



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Syeikh al-Azhar, Imam Besar, Dr. Muhammad Thantawi (atas). Mufti Kerajaan ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Mufti Mesir Dr. Nasr Farid Wasil (kiri).*



*Bergambar ramai ketika ziarah ke Makam Imam Syafie.*



*Mufti Kerajaan ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Awkaf Mesir.*



*Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan mengadakan rundingan ketika melawat Perpustakaan Kebangsaan, Mesir.*



*Bergambar ramai semasa melawat ke Masjid Hussein.*

# HARI Sambutan KEPUTERAAN KDYMM DI PAKISTAN

**S**emasa lawatan Rasmi Mufti Kerajaan dan rombongan ke Pakistan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah diberikan penghormatan menjadi Tetamu Kehormat di Majlis Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam anjuran Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Pakistan yang diadakan di kediaman Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Pakistan Dato Seri Setia Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Awang Ismail pada 19 Julai, 2000 jam 8.00 malam.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat negara sahabat di Islamabad, Pakistan.

Terdahulu daripada itu, sembahyang fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah diadakan di kediaman Pesuruhjaya Tinggi. Ia dihadiri oleh Ahli Rombongan, pegawai-pegawai dan keluarga Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Pakistan.



Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke 54 tahun telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.



Di antara jemputan yang hadir terdiri daripada Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi, dan diplomat-diplomat negara sahabat di Islamabad.

**Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Pakistan Dato Seri Setia Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Awang Ismail** telah kembali kerahmatullah pada 29 Ogos 2000 bersamaan dengan 29 Jamadilawal 1421. Pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham ditempatkan bersama orang-orang yang saleh. Amin.

# SEMINAR *Kebatinan Serantau*

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan telah diundang untuk membentangkan kertas kerja di Seminar Kebatinan Serantau anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Seminar 2 hari yang bermula pada 15hb September, 2000 itu disertai juga oleh Indonesia dan Singapura selain daripada Malaysia. Seminar diadakan di Kampus sementara KUIM, di Institut Profesional Baitulmal, Kampong Pandan Kuala Lumpur.

Di seminar itu Yang Dimuliakan Pehin telah membentangkan kertas kerja bertajuk Al-Bathiniah Dan Pengaruhnya di Negara Brunei Darussalam.

Selain Yang Dimuliakan Pehin, 3 orang pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei juga menyertai seminar berkenaan.

Seminar telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Yang Amat Berhormat berharap seminar yang julung kali diadakan itu dapat mewujudkan persefapanan dan fahaman



*Di suasana Seminar Kebatinan Serantau anjuran Kolej Universiti Islam (KUIM) yang diadakan pada 15hb & 16hb September 2000 di Kampus sementara KUIM, di Institut Profesional Baitulmal, Kampong Pandan Kuala Lumpur.*

bersama di kalangan negara serantau dengan bermuafakat, untuk sama-sama bertindak menghapuskan ajaran sesat.

*"Yang Penting Seminar ini dapat menghantar satu mesej kepada orang Islam di rantau ini termasuk Malaysia supaya berhati-hati bila mengikuti ajaran agar tidak sesat jika tidak ia akan membawa masalah*

*bukan saja kepada diri tetapi masyarakat keseluruhan."*

Sementara itu menurut Timbalan Rector KUIM, Prof. Datuk Dr. Abdultah Muhammad Zin, seminar itu bertujuan untuk memberi penerangan kepada peserta berhubung apakah konsep asas dan amalan masyarakat.

## Mufti Kerajaan TERIMA Kunjungan



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Dr. Sayyid Muhammad Abdul Kadir, Yang Di-Pertua Majlis Ulama Pakistan, Dr. Sayyid Muhammad Abdul Kadir Azad yang juga Khatib Masjid Badshahi, Lahore, Pakistan berserta rombongan.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, telah menerima kunjungan Yang Di-Pertua Majlis Ulama Pakistan, Dr. Sayyid Muhammad Abdul Kadir Azad yang juga Khatib Masjid Badshahi, Lahore, Pakistan berserta rombongan.

Rombongan pelawat itu tiba ke negara ini pada hari Juma'at 23 Jamadilakhir, 1421 bersamaan 22 September, 2000 dalam rangka lawatan tidak rasmi. Mereka telah dibawa melawat Masjid Omar Ali Saifuddien, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan.

Kunjungan kepada Mufti Kerajaan berlangsung pada hari Juma'at 25 Jamadilakhir, 1421 bersamaan 24 September, 2000, jam 8.00 malam, di kediaman Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin di Kampong Mulaut. Dalam perjumpaan itu berbagai perkara mengenai Islam dan Umat Islam telah dibincangkan.

# Women in

## FUNERAL RITES & GRAVE VISITS (Part Two)

### Etiquette of Visiting Graves

Before visiting graves, it is *sunnah* (preferable) to perform ablution, dress up appropriately and cover the *aurah*. Only then can depart to the graveyard with sincere intention in accordance with the purpose of the visit, as mentioned earlier.

Upon the arrival at the graveyard, it is *sunnah* for us to greet (utter *salam*) the people of the grave. This was mentioned in a hadith narrated by Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْلَمُهُمْ إِذَا حَرَجُوا إِلَى الْمَقابرِ أَنْ يَقُولُوا : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ النَّوْمِينَ وَالْمُسْلِمِينَ وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى بِكُمْ لَا يَحِقُّونَ سَبَّانَ اللَّهِ لَهَا وَكُمْ الْعَافِيَةُ  
اللَّهُ تَعَالَى بِكُمْ لَا يَحِقُّونَ سَبَّانَ اللَّهِ لَهَا وَكُمْ الْعَافِيَةُ  
(رواه مسلم)

**Meaning:** "Verily, the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam has taught them, should they visit the grave, to say: "May Allah shower peaceful greeting upon all of you. O dwellers of the abode of the Mukminin and Muslimin, and indeed we, if Allah so will, are about to join you. We pray to Allah for good health for us and for all of you."

(Hadith narrated by Muslim)

The utterance of *salam* is preferably done while we are standing beside the grave, with our backs to the qiblah and facing the face of the deceased whom we are visiting.

It is necessary too to understand that even when we simply pass by any Muslim grave without any specific intention of visiting them, we are encouraged to offer *salam* (greetings) to them and to pray for their salvation. This is based on a hadith of the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam when he was asked by Abu Razin, which means: "From Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu he says: "Abu Razin asked: "O Messenger of Allah! Verily, on my way (to my home) passing by a graveyard, are there any recitation I should read when I pass by them?" The Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam replied: "Read: May Allah bless you with salvation, O dwellers of the grave who are Muslimin and Mukminin. All of you have left us behind, and we will join you, verily if Allah so wills, we will join you". Abu Razin asked again: "Are they listening?" The Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam answered: "They are listening and they are not able to answer (i.e. an answer that can be heard by the living)." Then the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam

said: "O Abu Razin, don't you like it when you (your *salam*) are answered by the malaikat (angels)?"

(Extracted by Al-'Uqaili)

After offering *salam*, it is *sunnah* for us to read the Qur'an, especially surah Al-Ikhlas eleven times or surah Yasin. Subsequently, present the reward of the reading to them as clarified by the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam in his hadith narrated by Ad-Daraquthni which means: "Whoever passed by the graveyard and read ( ) eleven times and then bestowed the merit of the reading to the deceased, he will be rewarded merits as much as the merits of all the deceased."

There is also a hadith narrated by Abu Daud and Nasa'i which is considered as *sahih* by Ibnu Hibban:

أَفْرُغُوا عَلَىٰ مُوْتَاهُمْ يَسِّ

**Meaning:** "Read surah Yasin for your deceased family members".

After that, it is *sunnah* to turn ourselves to the direction of the Qiblah and raise both hands to make a supplication.

### Prohibitions During Grave Visits

There are several prohibitions that should be avoided by those who visit graves. Among them:

1. Moaning, yelling or slapping the face (due to extreme grief).

This prohibition is based on a hadith of the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam which means:

لَيْسَ هَذَا مِنْ صَرَبَ الْجَهُودَ وَشَقَّ الْجَهَوْبَ  
وَدَعَا بِدُعَوَةِ الْجَاهِلِيَّةِ  
(متفقٌ عليه)

**Meaning:** "He is not one of us (one among the ummah of Islam) who slaps the cheeks or tears the front opening of the shirt or shouts and yells as done by the people (in the days) of Jahiliyah."

(Agreed upon)

Sadness and the shedding of tears without moaning is not prohibited as sadness and the shedding of tears are signs of love for the people of the grave or of the consciousness one has of death.

2. It is *makruh* (reprehensible) to sit down, crawl or lean on graves.

This prohibition is based on a hadith narrated by Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu:

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :  
لَا يَحْلِسُ أَحَدٌ كُمْ عَلَى حَمْرَةٍ فَتَحْرَقُ تِيَاهَ  
فَتَحْلِصُ إِلَى جَلَدِهِ حَمْرَةً لَهُ مِنْ أَنْ يَحْلِسُ عَلَى قَبْرٍ  
(رواية مسلم)

**Meaning:** "The Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam said: "It is better for him that a man sits on cinder and burn his clothes until his skin gets peeled, than for him to sit on a grave."

(Hadith narrated by Muslim)

However, it is not prohibited to sit near or around the grave as mentioned in a hadith from Ali Karramallah wajhahuc:

كَانَ فِي حَمَارَةٍ فِي تَبَغُّنِ الْعَرْقَدِ فَاتَّابَانَ النَّبِيُّ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَقَدَ وَفَعَدَ حَمَارَهُ وَمَعَهُ مَحْصُورَةٌ  
(رواية البخاري)

**Meaning:** "Once we were all at the Ghargad graveyard accompanying a corpse. At that time, the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam came to us and he sat down. We all then sat encircling him. He had a stick with him."

(Hadith narrated by Bukhari)

3. It is not permitted to step on a grave without any urgency as the ruling for stepping on a grave is similar to the ruling on sitting on a grave. However, if there is no other way to get to the grave one intends to visit except by stepping on other graves, then at that moment it becomes permissible to step on the grave due to having an excuse.
4. It is *haram* (forbidden) to practice superstition that threatens the *aqidah* (faith) such as kissing the grave, stroking the earth on the grave and such.

According to the above explanation, the original ruling on women visiting graves is *makruh* (reprehensible) depending on appropriate behaviour and other demands in connection with the ruling on the visit. They can also read, in fact it is *sunnah* (that they do) the verses of al-Qur'an and pray for the deceased.

# Hidayah

## SATU MALAM

Pada zaman pemerintahan Bani Umaiyyah dikatakan ada seorang lelaki yang kaya raya bernama Muhammad bin Sulaiman al-Hasyimi yang namanya tercatat dalam senarai jutawan terkemuka pada masa itu. Dengan kekayaan yang melimpah-ruah, dia dapat hidup mewah dan memenuhi semua tuntutan nafsunya setiap hari dan malam. Di rumahnya yang mewah itu dipenuhi dengan majlis makan minum yang lazat-lazat, hiburan dan permainan sahaja. Dia tidak memakai pakaian melainkan yang mewah dan mahal-mahal belaka. Seluruh kawasan rumahnya semerbak berbau wangi. Jariah dan hambanya yang diletakkan di setiap sudut istananya bersedia mengikut perintahnya.

Di majlis mewahnya, dia kelihatan sangat megah sambil memegang tongkat. Di kepalanya pula terlilit serban yang disulam dengan benang emas dan intan permata yang berkilau-kilauan. Apabila ingin mendengar nyanyian, dia sekadar mengangkat tongkatnya sahaja, lalu penyanyi pun mendendangkan lagu-lagu kegemarannya. Jika sudah merasa bosan, diangkat pula tangannya, lalu penyanyi pun berhenti mengikut arahannya. Hiburan seperti ini biasanya berpanjangan sehingga lewat malam sambil dia dan temantemannya hilang akal kerana mabuk arak.

Di waktu siang pula, kegemarannya ialah bermain catur selama berjam-jam sehingga lupa tanggungjawabnya sebagai seorang Muslim. Dia tidak pernah ingatkan mati. Tidak terlintas dalam

ingatannya bahawa dirinya akan sakit dan ditimpa penyakit. Tidak ada yang difikirkan melainkan keseronokan dan kegembiraan semata-mata. Sedikit-pun tidak ada difikirannya soal runsing dan khuitir dalam kehidupannya, bahkan sentiasa gembira, suka dan seronok sepanjang masa. Keadaan seperti ini dilaluinya selama lebih kurang dua puluh tujuh tahun.

Pada suatu malam, ketika dia sedang berseronok-seronok sebagaimana biasa, tiba-tiba terdengar satu suara yang sangat aneh datang dari luar rumahnya. Suara itu sungguh berbeza dengan suara nyanyian yang biasa didengarnya selama ini dan sangat menusuk hatinya sehingga membuatkan Ibnu Sulaiman tiba-tiba meletakkan botol araknya.

“Diam!... Cari suara itu dan bawa ke mari orangnya sekali”, katanya memerintahkan pengawalnya.

Sementara orang-orangnya pergi mencari, dia sendiri menjengukkan kepalanya keluar tingkap dan memandang di jalan raya arah datangnya suara itu. Ternyata suara itu semakin jelas menusuk hatinya, adakalanya jelas terdengar dan adakalanya samar-samar dibawa angin.

Akhirnya pengawal tersebut menemui seorang pemuda yang kurus kering sedang membaca al-Qur'an di dalam masjid. Wajahnya pucat, rambutnya kusut, dan bibirnya gementar setiap kali membaca al-Qur'an. Dengan tidak berfikir panjang lagi pemuda itu dibawa menghadap Muhammad bin Sulaiman pada malam itu juga.

“Siapa pemuda ini?” Tanya Muhammad bin Sulaiman.

“Suaranyalah yang kedengaran tadi tuan,” jawab pengawal.

“Di mana engkau temui dia?” Tanya ibnu Sulaiman lagi.

“Kami temui dia di dalam masjid,” jelas pengawal.

Ibnu Sulaiman mengalih pandangannya kepada pemuda itu.

“Wahai pemuda! Apa yang engkau baca di masjid?” Tanya Ibnu Sulaiman.

“Saya membaca al-Qur'an,” jawab pemuda itu.

“Cuba engkau perdengarkan kepadaku bacaan engkau itu,” pinta Ibnu Sulaiman.

Pemuda tersebut mula membaca ayat-ayat yang dibacanya di masjid tadi:

إِنَّ الْأَنْزَالَ لِنَفِيٍّ تَعْبِمُ (۲۲) عَلَى الْأَرْضِ إِنْ يَطْرُونَ (۲۳)  
تَعْرُفُ فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةُ الْعَبْمِ (۲۴) يُسْقَوْنَ  
مِنْ رِحْقَ مَحْشُومٍ (۲۵) وَمِرَاجِعَهُ مِنْ شَنْبِرٍ (۲۶)  
عَنْتَ يَشْرُبُ بِهَا الْمُقْرِبُونَ (۲۷)

**Tafsirnya:** “Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada di dalam syurga yang penuh nikmat; mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias) sambil melihat (segala keindahan dan kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ). Engkau dapat melihat pada muka mereka; cahaya nikmat yang mereka perolehi. Mereka diberi minum daripada

satu minuman yang termeterai bekasnya, meterainya kasturi; dan untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itu hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan; Dan campuran minuman itu adalah daripada "Tasnim" iaitu mata air yang diminum oleh orang-orang yang di dampingkan (Tuhan di sisiNya)."

(Surah al-Muthaffifin 22-28)

Semakin tersentuh hati Muhammad bin Sulaiman mendengar bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an itu. Apalagi kandungan ayat itu mengenai kenikmatan di syurga yang bakal diperolehi oleh orang yang berbakti.

"Wahai orang yang lalai!" Tiba-tiba pemuda itu bersuara setelah melihat Ibnu Sulaiman asyik merenungnya seolah-olah fikirannya melayang.

"Apa yang disifatkan dalam ayat tadi bukan seperti majlis berfoya-foyamu ini. Permaidani yang dibentangkan bukan seperti permaidanimu ini, bantal-bantalnya juga bukan seperti bantal di dunia ini. Ia diperbuat daripada *istabruk*. Hanya kekasih Allah saja yang layak tinggal di situ. Di hadapan mereka ada dua buah mata air yang mengalir, dan di dalam syurga pula terdapat segala macam buah-buahan yang lazat, bidadari-bidadari yang cantik, gelas-gelas emas, bantal-bantal sandarannya yang tersusun rapi dan permaidaninya siap terbentang."

"Sedangkan balasan bagi orang-orang lalai adalah neraka Jahannam yang sangat dahsyat. Mereka berada dalam seksaan angin dan air yang amat panas yang mendidih dan dalam naungan asap yang hitam." Jelas pemuda itu lagi.

Kemudian pemuda tadi membaca firman Allah *Subhanahu Wata'ala*

إِنَّ الْمُخْرِمِينَ فِي ضَلَالٍ وَسُعْدَ (٤٧) يَوْمَ يُنْتَجُونَ فِي النَّارِ  
عَلَىٰ وَخُوهِمُهُمْ دُوْقَا مَسْ سَقْ (٤٨)

**Tafsirnya:** "Sesungguhnya orang-orang yang berdosanya berada dalam keadaan sesat (di dunia), dan (di akhirat pula mereka berada dalam) api neraka. Semasa mereka diseret di dalam neraka (dengan tertiarap) atas muka mereka, (serta dikatakan kepada mereka): "Rasalah kamu bakaran api neraka".

(Surah al-Qamar 47-48)

Berdiri bulu romah Ibnu Sulaiman mendengar azab seksa yang begitu ngeri itu. Lalu dipeluknya pemuda itu sambil menangis sekuat-kuat hatinya. Hatinya begitu tersentuh dan ingin sekali memulakan penghidupan baru.

Pintu hatinya telah terbuka luas, hidayah masuk pada malam itu juga. Dia berjanji kepada Allah untuk tidak mengulangi lagi kerja-kerja maksiat buat selama-lamanya. Semua hartanya dijual dan hasilnya didermakan ke jalan Allah. Semua jariah dan hambanya dibebaskan tanpa syarat. Semua pakaian cantik ditanggalkan dan diganti dengan pakaian sufi yang kasar. Tidak ada lagi hilai ketawanya, yang ada hanyalah zikir dan tangis orang ketakutan kepada Allah. Siang hari berpuasa dan sebelah malamnya pula tidak tidur kerana beribadah kepada Allah.

Kehidupannya berubah serta merta sehingga menjelaskan kesihatannya. Ramailah orang-orang salih datang menziarahinya sambil memberikan nasihat agar di samping menumpukan dirinya beribadah kepada Allah, perlu juga dia menjaga kesihatan dirinya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan tidak suka memberatkan hambaNya.

Apabila tiba musim haji, Ibnu Sulaiman ikut berangkat ke Makkah menunaikan ibadah haji dengan

berjalan kaki, tanpa apa-apa bekalan kecuali sedikit air di dalam tabung kulit. Selepas selesai ibadah haji, dia tidak terus balik, sebaliknya menghabiskan masanya beribadah, bermunajat serta bertaubat di sisi Kaabah, sambil bersimpuh di sisi Hajar Aswad mengadu kepada Allah dan menyesali kerana belum banyak beribadah kepada Allah, tapi dosa-dosa yang dilakukannya sudah tidak terkira banyaknya.

"Celakalah aku....celakalah aku, jika aku menghadap Engkau dalam keadaan bergelumang dosa. Oh Tuhan! Aku tidak meminta syurgaMu, tetapi hanya yang ku pinta ialah belas kasihanMu agar Engkau mengampuni dosaku. Sesungguhnya Engkau Tuhan yang Maha Pengampun." Bisik Ibnu Sulaiman sebak.

Dia meluahkan perasaan menyesal sehingga terkenallah taubatnya di kalangan ahli-ahli sufi melalui syair yang keluar dari mulutnya dengan penuh keinsafan:

*"Aku telah berbuat maksiat kerana bodohku wahai Tuhan Yang Maha Agung. Maka ampunkanlah apa-apa perbuatanku yang Kau anggap buruk. Kepada siapa agaknya seorang hamba akan lari dan mengadu selain kepada tuannya, wahai Tuhan Yang Maha Mulia."*

Dia tinggal di sisi Kaabah sehingga wafat di sana. Begitulah kisah Muhammad bin Sulaiman al-Hasyimi seorang yang pada mulanya menghabiskan masa mudanya dengan berfoya-foya, akhirnya mendapat hidayah hanya satu malam saja dan menjadi seorang kekasih Allah yang mati dalam keadaan redhaNya.

\* Dipetik dari kitab *Raudhur Rayyabin Fi Hikayatus Salihin* karangan Syeikh Imam Abdullah bin As'ad bin Fallah al-Yafi al-Yamany Asy-Syafie.

# Bertudung *tapi* Betis Didedah

**M**enoleh sekitar 20 tahun yang lalu, perihal wanita mendedahkan rambut bukan suatu pemandangan luar biasa. Malahan pada ketika itu jarang kelihatan wanita menutup kepala, kecuali untuk majlis dan upacara tertentu.

Ketika itu wanita yang bertudung, kebanyakannya adalah golongan tua, itu pun rambut yang ditutup tidak ‘rapus’. Pendek kata wanita yang bertudung, apatah lagi jika terdiri daripada golongan muda akan dianggap janggal.

Senario tersebut sudah berlalu dan keadaan sekarang sudah berubah. Sama ada di pejabat, apatah lagi di institusi pengajian, dan di majlis-majlis, rata-rata wanita Melayu akan memakai tudung. Mereka akan berasa janggal dan terasing jika tidak bertudung.

Di kedai, pusat membeli belah, di lapangan terbang dan di mana sahaja, kebanyakkan wanita Islam telah menutup kepala mereka.

Tidak kira tua, muda, anak dara atau janda, pekerja biasa, pegawai tinggi, suri rumah tangga, rata-rata sudah menutup kepala kerana masing-masing terasa tidak selesa untuk menayangkan rambut.

Zaman berlalu, masa berganti, dan sistem nilaipun sudah berubah. Dulu yang bertudung dianggap janggal, kini yang menayangkan rambut pula akan dianggap janggal, apatah lagi bila berada di majlis-majlis tertentu. (Tidak tahukah kalau masih ada yang tidak berasa janggal).

Bagi setengah pendapat, kecenderungan memakai tudung ada kaitan dengan kesedaran beragama. Rambut adalah sebahagian daripada

aurat wanita. Ini bererti kepala wajib ditutup dan tidak didedahkan untuk tontonan umum.

Kalaular kecenderungan itu disebabkan kesedaran beragama, syukur Alhamdulillah. Tetapi mungkin juga ada sebahagiannya disebabkan yang lain. Umpamanya takut terasa janggal, terikut-ikut dengan *trend* berpakaian, hanya sebagai fesyen dan sebagainya.

Cuba perhatikan, ada yang bertudung sehingga tidak nampak walau sehelai rambut, tetapi dalam waktu yang sama memakai kain belah, yang setiap kali melangkah akan menampakkan betis dan pangkal paha yang putih melepak. Ada pula yang bertudung lengkap tetapi mendedahkan sebelah atas dada, dan memakai skirt. Kalau boleh disamakan, ada lelaki yang bertopi haji tetapi memakai seluar pendek. Ini sesuatu yang agak ganjil, atas ditutup, bawah didedah.

Bagi setengah wanita, memakai tudung bukan kerana tuntutan agama. Mungkin ada yang cuma ingin mengambil hati, mungkin ia kerana suatu peraturan dan mungkin ada yang ikut-ikutan. Waktu ke pejabat semua memakai tudung, ke sekolahpun begitu juga, tetapi bila berjalan-jalan membeli belah tudung entah ke mana.

Padahal Islam telah menggariskan pakaian yang wajib dipakai oleh setiap Muslimah, sebagaimana yang di-tetapkan oleh al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi *Sallallahu alaihi wasallam*, iaitu:

- i) Hendaklah menutup seluruh anggota badan, termasuk kepala, rambut, leher, lengan, melainkan muka dan dua tapak tangan sehingga dua pergelangan tangan.
- ii) Pakaian itu tebal, tidak

menampakkan warna kulit yang dapat dilihat dari celah-celah sulaman benang pakaian itu.

- iii) Pakaian itu luas, tidak sempit, dan tidak ketat sehingga boleh menampakkan bentuk susuk badan.
- iv) Pakaian itu tidak menyerupai atau seakan-akan pakaian lelaki
- v) Pakaian itu tidak berbau harum atau wangi kerana ia boleh menarik perhatian orang.

Kewajipan menutup aurat itu berdasarkan kepada dalil al-Qur'an dan Hadis. Di antaranya firman Allah:

بِأَيْمَانِهَا النَّسِيْنِ قُلْ لَا رَوْجُوكْ وَبِتَائِكْ وَبِسَاءِ  
الْمُؤْمِنِينَ يَدِنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَبِيْهِنَّ  
ذَلِكَ أَدْتِيْ أَنْ يَعْرَفُنَ فَلَا يَوْذِيْنَ شَ وَكَانَ  
اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا.

(Surah al-Ahzab : 59)

**Tafsirnya:** “Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Meng恕i.”

(Surah al-Ahzab: 59)

Oleh yang demikian, sebagai menyahut titah perintah Allah, isu bertudung khususnya menutup aurat janganlah ia dipandang sebagai perkara remeh. Ia adalah perkara wajib. Mentaati perkara wajib adalah perkara besar, walaupun ia dipandang remah oleh sebahagian manusia.

# ELOK *Nama*

# ELOKKAN *Peribadi*

**D**i antara hak anak ke atas ibu bapanya ialah memberikannya nama yang baik dan menghindarkan daripada memberikannya nama yang tidak elok.

Tersebut di dalam sebuah hadis yang ditiwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiyallahu 'anhu*, bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda bermaksud: "Sesungguhnya di antara hak anak ke atas bapa ialah mengelokkan namanya dan mengelokkan adabnya."

(Hadis riwayat al-Bazzar)

Sebagaimana juga menurut hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang lain dan kata-kata ulama bahawa adalah dituntut terutama sekali kepada ibu bapa supaya memilih nama-nama yang baik dan nama-nama yang memberi sempena baik ketika meletakkan atau memberi nama kepada anak yang baru lahir, dan menghindarkan daripada meletakkan nama-nama yang dimakruhkan lebih-lebih lagi yang diharamkan.

Syiekh al-Islam Ibrahim al-Bajuri menegaskan di dalam kitab *Fath al-Qarib* bahawa sunat diberi nama anak dengan nama yang baik, sebagaimana menurut sebuah hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bermaksud: "Sesungguhnya kamu dipanggil pada Hari Kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu, dari itu elokkanlah nama-nama kamu."

(Hadis riwayat Abu Daud dan Ahmad)

Sehubungan dengan itu Islam meletakkan garis panduan yang boleh dijadikan sebagai asas ketika memilih dan memberi nama anak.

## Masa Yang Dianjurkan Memberi Nama Anak

Al-Imam an-Nawawi menegaskan di dalam kitabnya *al-Adzkar* bahawa sunat memberi nama anak yang baru dilahirkan sama ada pada saat hari dia dilahirkan ataupun pada hari ketujuh, sebagaimana yang ditiwayatkan daripada 'Amr bin Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya bermaksud: "Sesungguhnya Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* memerintahkan agar memberi nama kepada anak yang baru lahir pada hari ketujuh dari hari

kelahirannya, menghilangkan kotoran daripadanya dan membuat 'aqiqah untuknya."

(Hadis riwayat Tirmidzi)

Walaupun demikian, ada juga ulama mengatakan bahawa tidaklah mengapa yakni harus memberi nama anak sebelum hari ketujuh ataupun selepasnya.

## Orang Yang Berhak Memberikan Nama

Bapa selaku wali kepada anaknya adalah orang yang berhak memilih dan memberi nama. Namun elok bagi bapa sama-sama berbincang dengan isterinya selaku ibu dalam memilih nama untuk anak mereka, kerana yang demikian itu akan menggembirakan dan menyenangkan hati isteri.

Selain daripada itu, sunat menyerahkan urusan memilih dan memberi nama anak kepada orang-orang salih, sama ada dia itu lelaki ataupun perempuan. Ini adalah berdasarkan sebagaimana yang sering berlaku di zaman Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* di mana apabila salah seorang sahabat dikurniakan anak dia akan membawanya kepada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, lalu Baginda memberi nama anak tersebut. Di antara hadis yang menegaskan perkara tersebut ialah yang ditiwayatkan daripada Anas *Radhiyallahu 'anhu*, beliau berkata bermaksud: "(Apabila) anak Abu Talhah lahir maka aku (Anas) membawanya kepada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*, lalu Baginda mentahniknya (mengunyahkan kurma kemudian dimasukkannya ke dalam mulut anak itu) dan diberinya nama Abdullah."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

## Memberi Nama Anak Yang Meninggal Kerana Keguguran

Jika anak yang meninggal kerana keguguran itu sudah diitiupkan roh ke dalamnya, maka sunat diberikan dia nama. Apabila tidak dikenali apakah dia laki-laki atau perempuan, maka diberi nama yang sesuai untuk laki-laki dan perempuan, seperti Talhah, 'Umairah dan lain-lain.

Begitu juga sunat diberikan nama anak yang belum sempat diberikan nama sebelum dia meninggal dunia.

## Nama-Nama Yang Disunatkan

Apa yang perlu diambil perhatian ketika memberi nama anak ialah memilih nama yang baik dan indah, sebagai mengikut *sunnah* Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Justeru itu disunatkan memberi nama anak dengan nama-nama seperti berikut:

Sebaik-baik nama yang dianjurkan ialah nama Abdullah (hamba Allah) dan Abdul Rahman (hamba Allah yang bersifat rahman yang sangat pemurah).

Ataupun nama 'Abd (hamba) yang disandarkan kepada nama-nama Allah (*Al-Asmā' Al-Husnā*), seperti Abdul Hakim, Abdul Halim, Abdul Aziz dan seumpamanya.

Kemudian nama-nama yang mengandungi pujian seperti Muhammad, Ahmad, Mahmud dan seumpamanya.

Sebenar-benar nama pula ialah Harits (orang yang mencari kehidupan atau orang yang rajin bekerja) dan Hammam (orang yang bercita-cita tinggi atau berazam terus menerus).

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiyallahu 'anhu* beliau berkata Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ أَحَبَّ أَسْمَاءِكُمْ إِلَيَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ  
عَبْدًا لِلَّهِ وَعَبْدًا لِرَحْمَنِ  
(دری مسلم)

**Maksudnya:** "Sesungguhnya nama-nama kamu yang paling disukai Allah 'Azza wa Jalla ialah Abdullah dan Abdul Rahman."

(Hadis riwayat Muslim)

Selain daripada itu, memberi nama dengan nama Muhammad itu mengandungi beberapa kelebihan yang tinggi dan membawa keberkatan, di antaranya sebagaimana yang ditiwayatkan daripada Ibnu Abbas, bahawa pada Hari Kiamat malaikat memanggil: "Bangunlah orang yang namanya Muhammad dan masuklah ke dalam syurga, kerana memuliakan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*."

('ânah at-Thâlibîn 2/337, Hasyiah al-Bajuri 2/305 dan Mughni al-Muhtâj 4/371)

### Nama-Nama Yang Diharamkan

Haram memberi nama anak atau memakai nama dengan nama Allah, al-Ilah, ar-Rabb, Malik al-Muluk (raja sekalian raja), Syahan Syah (raja sekalian raja) dan Hakim al-Hukkam (hakim sekalian hakim), kerana nama-nama tersebut semata-mata khusus untuk Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Jika hendak memakai nama-nama tersebut mestilah didahulukan dengan nama 'Abd (hamba), seperti Abdullah, 'Abd al-Ilah, Abd al-Rabb dan sebagainya.

Selain daripada itu, haram memakai nama atau memberi nama anak dengan nama Rahman (yang Maha Pemurah) tanpa meletakkan nama 'Abdul' di hadapannya, kerana sifat yang Maha Pemurah itu tidak layak dipakai untuk makhluk melainkan untuk Allah jua. Nama Rahman merupakan salah satu daripada nama-nama Allah (*al-Asmâ' al-Husnâ*). Justeru itu apabila memakai nama Rahman hendaklah diletakkan di hadapannya nama 'Abdul' menjadi Abdul Rahman.

Begitu juga haram memakai nama atau memberi nama anak dengan nama Abdul Ka'bah (hamba Ka'bah), Abdul Husain (hamba Husain), Abdun Nabi (hamba Nabi), Jarullah (jiran Allah), Rafiqullah (rakan Allah) atau seumpamanya, kerana nama-nama tersebut boleh memberi tanggapan yang palsu bahawa yang selain daripada Allah itu juga ada mempunyai hamba ataupun Allah itu mempunyai jiran dan kawan.

### Nama Yang Dimakruhkan

Memberi nama dengan nama yang tidak elok boleh menyebabkan anak itu tidak dihormati dan diejek-ejek pada masa akan datang, sama ada secara disedari atau tanpa disedari, umpamanya nama Sapiyah (bodo), Balidah (bodo), Bahimah (binatang), Sariqah (pencuri) dan sebagainya. Semua nama-nama tersebut atau yang seumpamanya, walaupun setengahnya sedap didengar tetapi ianya membawa maksud yang tidak baik dan ini boleh menjadi bahan ejekan orang terhadap anak yang diberikan nama seperti itu.

Oleh itu makruh memberikan nama anak dengan nama yang tidak elok, seperti nama-nama yang disebutkan di atas atau seumpamanya.

Begitu juga makruh memberi nama dengan nama yang pada kebiasaannya boleh

membawa dalam jiwa seseorang kepada rasa pesimistik, yakni cenderung melihat keburukan sesuatu atau mudah berasa hilang kepercayaan terhadap sesuatu, seperti nama Yasir (senang), Rabah (untung), Harb (peperangan) dan sebagainya.

Umpamanya anda bertanya kepada seseorang: "Adakah Rabah di sana?" Atau: "Adakah Yasir di sana?" Atau: "Ke mana Harb pergi?". Lalu dijawab orang dengan berkata: "Rabah tidak ada," atau "Yasir telah pergi" atau "Harb telah datang", dan ini boleh menimbulkan rasa pesimistik dalam diri anda, kerana jawapan orang itu seolah-olah membawa maksud, bahawa tidak akan ada keuntungan atau kesenangan telah pergi atau peperangan akan datang (berlaku).

Padahal Islam menyuruh penganutnya bersikap optimistik, iaitu melihat sesuatu perkara dengan jangkaan atau harapan baik, bukan bersikap pesimistik.

Sehubungan dengan itu, terdapat hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang menyebutkan mengenai perkara ini, di antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Samurah bin Jundab *Radhiyallahu 'anhu* beliau berkata *Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda*:

لَا تُسَمِّنْ غَلَامَكَ يَسَارًا وَلَا رَبَاحًا وَلَا نَحِيًّا  
وَلَا أَفْلَحَ ، فَإِنَّكَ تَقُولُ : أَتَمْ هُوَ ؟ فَلَا يَكُونُ ،  
فَيَقُولُ : لَا ، إِنَّمَا هُنَّ أَرْجُعٌ فَلَا تَرِيدُنَّ عَلَى  
(رواية مسلم)

**Maksudnya:** "Jangan engkau beri nama anakmu dengan nama Yasir (senang), jangan pula Rabah (untung), jangan pula Najah (berjaya) dan jangan pula Aflah (menang), kerana pada suatu ketika kamu akan berkata: "Adakah dia ada di sana?" Kebetulan pula dia tidak ada, maka dikatakanlah: "Tidak" (tidak ada kesenangan, tidak ada keuntungan, tidak ada kejayaan atau tidak ada kemenangan)." Itulah empat kata, kamu tidak perlu menambahnya lagi."

(Hadis riwayat Muslim)

### Nama Yang Diharuskan

Sebagaimana menurut ulama, boleh memakai nama atau memberi nama anak dengan nama-nama Allah (*al-Asmâ' al-Husnâ*) dengan tidak meletakkan nama 'Abd (hamba) di hadapannya, seperti al-Quddus, Ar-Rahim dan sebagainya, kecuali nama-nama yang diharamkan sebagaimana yang dinyatakan terdahulu.

Namun yang demikian, sunat diletakkan

nama 'Abd (hamba) sebelum *Al-Asmâ' Al-Husnâ* bagi menunjukkan kehambaan kepada Allah dan mengambil sempena baik dengan memakai nama-nama daripada sifat-sifat Allah, seperti Abdul Quddus, Abdul Rahim dan sebagainya.

Harus memberi nama anak dengan nama yang baik dan indah seperti nama Fakhruddin (kemegahan agama), Zainul 'Abidin (perhiasan orang-orang yang beribadat), Wahidah (yang terkemuka), Wajihah (yang mempunyai nama dan darjah di dunia dan di akhirat) dan lain-lain nama yang baik.

### Mengubah Nama

Wajib diubah nama-nama yang diharamkan, kerana mengubah nama yang haram itu adalah sebahagian daripada perkara menghilangkan kemungkar.

Di samping itu pula, sunat diubah nama yang kurang elok kepada nama yang lebih baik.

Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* sendiri mengubah nama-nama orang seperti Al-'Ashi (penderhaka), Aziz (perkasa), 'Atalah (tongkat besi besar), Syaitan, Al-Hakam (yang bijaksana dalam menghukum), Ghurab (gagak), Habab (buih air) dan Syihab (bintang atau tahi bintang), dengan nama baru iaitu Hasyim.

Tersebut di dalam sebuah hadis:

عَنْ أُبْرَيْرَضِيِّ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَيْرَ اسْمَ عَاصِيَةَ وَقَالَ : أَنْتَ حَسِيبَةَ  
(رواية الحماري و مسلم)

**Maksudnya:** "Daripada Ibnu Umar *Radhiyallahu 'anhu* (beliau meriwayatkan) bahawa Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* mengubah nama 'Ashiah (penderhaka), dan Baginda bersabda: "Namamu (berubah menjadi) Jamilah (cantik)."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Sebagai suatu kesimpulan, salah satu identiti tentang keislaman seseorang itu ialah namanya. Dengan nama memudahkan pengenalan awal tentang siapa diri orang itu.

Sebagai orang Islam hendaklah memberi nama anak dengan nama yang dianjurkan oleh syara' bukan dengan nama yang bunyinya sahaja sedap didengar tetapi tidak elok maksudnya. Si anak tidak akan merasa malu dengan namanya yang memberi makna yang baik dan bukan sebaliknya. Di samping itu dengan nama yang elok itu mudah-mudahan akan memberi kesan yang baik kepada bentuk peribadi anak berkenaan. ■

# Puasa di

# BULAN REJAB

**B**ulan Rejab adalah bulan ketujuh dalam kiraan taqwim Hijriyyah. Bulan ini termasuk salah satu di antara bulan suci dan dinamakan sebagai bulan Allah. Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda bermaksud: "Bulan Rejab bulan Allah, bulan Syaaban bulanku, dan bulan Ramadhan bulan umatku."

Bulan Rejab juga dianggap bulan istimewa kerana pada bulan ini berlaku peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Di antara amalan yang baik diamalkan di bulan Rejab ialah puasa dan bersedekah. Banyak hadis-hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* menyebutkan tentang kelebihan puasa di bulan Rejab. Antaranya sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh At-Tabarani daripada Sa'id bin Abu Rashid bermaksud: "Barangsiapa berpuasa sehari daripada bulan Rejab maka ia seperti berpuasa setahun, dan barangsiapa berpuasa daripadanya (bulan Rejab) tujuh hari, ditutup daripadanya pintu-pintu Jahannam(neraka), dan barangsiapa berpuasa daripadanya lapan hari, dibukakan baginya lapan pintu syurga, dan barangsiapa berpuasa daripadanya sepuluh hari, tidak meminta dia kepada Allah melainkan diberikannya, dan barangsiapa berpuasa daripadanya lima belas hari, menyeru orang yang menyeru dari langit: "Sesungguhnya diampunkan bagimu dosa-dosa yang lalu maka mulakanlah amal", dan barangsiapa menambah (hari puasa), Allah menambahnya

(kelebihan)."

Dalam hadis yang lain telah dikeluarkan oleh al-Khallal, daripada Abu Sa'id (secara marfu') bermaksud: "Bulan Rejab adalah di antara bulan-bulan haram, hari-hari di dalamnya ada tertulis di pintu-pintu langit yang keenam, maka apabila seseorang berpuasa sehari daripadanya (bulan Rejab) dan menyempurnakan puasanya dengan penuh ketaqwaan kepada Allah, bercakaplah pintu dan hari tersebut seraya berkata: "Tuhan ampunkan baginya (dosanya)", dan jika dia tidak menyempurnakan puasanya dengan ketaqwaan kepada Allah, maka pintu dan hari itu tidak akan memohonkan ampun baginya, dan dikatakan padanya: "Kau telah ditipu oleh dirimu."

Niat puasa bulan Rejab ialah:

نَوْيَتُ صَوْمَمْ عَدِّ عَنْ أَذَاءِ صَوْمَمْ شَهْرٍ رَحِبٍ سَنَةً لَهُ تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku puasa sunat bulan Rejab kerana Allah Ta'alā."

Demikianlah satu amalan yang baik untuk diamalkan di bulan Rejab, bulan terbukanya pintu langit dan terbukanya pintu syurga. Sama-sama kita merebut peluang ini dan semoga amalan kita akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## PERSIDANGAN KE

# 12

## Majlis Akademi Fiqh Islam DI RIYADH

**Y**ang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan, dan Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Pegawai Istimbah Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri menghadiri

Persidangan ke 12 Majlis Akademi Fiqh Islam di Riyadh, Arab Saudi. Persidangan berlangsung pada 25 Jamadilakhir, 1421 hingga 1 Rejab, 1421 bersamaan 23 hingga 28 September, 2000.

Yang Dimuliakan Pehin adalah ahli

tetap Persidangan Majlis Akademi Fiqh Islam

Pada tahun 1993, Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Persidangan Kelapan Majlis Akademi Fiqh Islam sempena Sambutan Awal Tahun 1414 Hijrah.

# TAHNIAH

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 29 orang sempena Hari Keputeraan baginda yang ke 54 tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan dengan 15 Julai, 2000.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan merupakan salah seorang penerima. Beliau telah dikurniakan Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.).

Pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mengucapkan tahniah serta segala puji-pujian bagi Allah di atas pengurniaan tersebut.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.*

## Kegiatan Positif ELAK

**Y**ang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan berharap penglibatan anak-anak muda dengan kegiatan-kegiatan yang positif sedikit sebanyak dapat menyelamatkan diri mereka daripada membuang masa yang akhirnya dikhawatir akan mendedahkan dan melibatkan mereka dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat atau yang membahayakan fizikal dan mental.

*"Pada masa ini umumnya kita merasa risau tentang penglibatan anak kita dalam perkara-perkara negatif seperti kanak-kanak sekolah merokok, penglibatan dadah, merosakkan kemudahan-kemudahan awam dan lain-lain"*

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, kita tidak payah menuduh jari menuduh siapa-siapa, masing-masing ada peranan, sama ada di pihak kerajaan, ibu bapa, pihak sekolah, agensi-agensi tertentu maupun masyarakat.

## Kegiatan Tidak Sihat

Yang Dimuliakan Pehin berucap demikian dimajlis peraduan Membaca Rawi dan Dikir Syarafil Anam Peringkat Akhir Negara, yang telah diadakan pada hari Sabtu 27 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 29 Julai, 2000, bertempat di Sekolah Ugama

Pelambaan.

Di peraduan itu seramai 4 pasukan rawi dan 4 pasukan Dikir, yang mewakili Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab seluruh negeri telah bertanding.



*Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan berharap peraduan ini dijadikan sebagai perangsang atau motivasi untuk jalan mencintai Nabi dan sebagai perangsang untuk memperbaik selawat kepada Baginda.*

# Al-QUR'AN

*ialah Cahaya*

Tanpa Cahaya Jalan Kehidupan Akan Sentiasa Gelap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam supaya berpegang teguh kepada ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah, satu-satunya cara bagi menyelamatkan aqidah.

Menurut titah baginda, al-Qur'an ialah cahaya. Cahaya bukan saja untuk melihat apa-apa yang patut dilihat dan dinikmati oleh mata kasar tetapi juga sebagai suluh kehidupan.

*"Itulah dia yang dinamakan 'cahaya hidayat' atau cahaya petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Tanpa cahaya ini, jalan kehidupan kita akan sentiasa gelap, tidak mungkin untuk dikenali, mana yang baik dan mana pula yang buruk".*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa 15 Jamadilawal, 1421 Hijriah bersamaan 15 Ogos, 2000.

Titah baginda lagi, kadang-kadang berlakunya perkara-perkara yang tidak patut berlaku dalam kehidupan seorang Muslim, seperti menyukai

dan cenderung kepada perkara-perkara yang ditegah dan membenci perkara yang disuruh serta digemari oleh syariah, disebabkan tanpa cahaya hidayat.

*"Pada hemat beta, perkara seumpama ini berlaku ialah kerana ketiadaan hidayat Allah. Apabila hidayat itu tidak ada, maka kita tidak akan dapat melihat sebarang kebenaran. Orang yang tidak dapat melihat kebenaran adalah orang yang rugi sepanjang hayatnya."*

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan berangkat dan menyempurnakan Pembukaan Rasmi Pertandingan berkenaan.

Dalam sambutan ketika merasmikan pertandingan tersebut Duli Yang Teramat Mulia menyeru agar para belia di negara ini diberi penumpuan mengenai ajaran-ajaran al-Qur'an, kerana golongan ini merupakan aset yang paling berharga, sebagai nadi penyambung yang bakal mengerakkan pembinaan negara di masa hadapan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa.

*"Imej belia yang lepas bebas tanpa panduan ajaran agama, dapat kita saksikan di pelbagai negara. Kita kluatir gejala buruk itu meresap ke negara kita, dan boleh memberikan kesan negatif terhadap keharmonian masyarakat."*

Dalam pertandingan itu seramai 4 orang qari dan 4 orang qari'ah telah memperdengarkan bacaan mereka. Johan qari disandang oleh Yang Mulia Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin, manakala johan qari'ah disandang oleh Yang Mulia Dy Hjh Siti Nur Zukhairah binti Awang Haji Damit.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan hadiah kepada Johan Qari Yang Mulia Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Pertandingan Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan. Berangkat sama ialah anakanda dan adinda baginda.

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Alamat: Tingkat 3, Bangunan Pejabat Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8510, Brunei Darussalam.

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [Fatwa@brunet.bn](mailto:Fatwa@brunet.bn)

Dicetak Oleh: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.